

PERTANDINGAN REKA CIPTA BAGI PELEKAT KENDERAAN, SLOGAN DAN T-SHIRT LATEPACKERS

ALUMNI KEMBARA DAN REKREASI UIA, MALAYSIA (LATEPACKERS)

1. PELAWAAN

Alumni Kembara dan Rekreasi UIA, Malaysia akan menganjurkan satu pertandingan mereka cipta sempena program "Nature Conservation Project – Latepackers Earth Day". Ahli jawatankuasa Alumni Kembara dan Rekreasi UIA, Malaysia menjemput individu-individu yang berminat untuk menyertai "Pertandingan Mereka Cipta Pelekat Kenderaan dan T-Shirt Latepackers".

2. TEMA

Reka cipta logo hendaklah menggambarkan tujuan dan objektif program seperti berikut;

- a. Bersempena dengan **Hari Bumi Sedunia(World Earth Day) pada 22 April** setiap tahun, projek pemuliharaan alam sekitar ini diharapkan dapat menyokong usaha memakmurkan bumi dan menjaga serta memulihara alam sekitar;
- b. Mendedahkan kepada ahli-ahli, warga kembara dan rekreasi, pengunjung dan orang ramai akan kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar dari dicemari oleh sampah sarap dan aktiviti-aktiviti yang boleh merosakkan ekologi alam persekitaran;
- c. Meningkatkan tahap kesedaran di kalangan pengunjung, orang ramai dan peserta tentang kepentingan menjaga alam persekitaran dari dicemar;
- d. Memelihara alam sekitar sebagai warisan Negara
- e. Mengurangkan masalah pencemaran sampah sarap di sepanjang laluan treking.

3. SPESIFIKASI

Reka cipta hendaklah dihasilkan menggunakan kertas bersaiz A4 (ukuran 21 cm x 29.7cm) berwarna putih dan dilekatkan pada kertas tebal atau mounting board yang berukuran 20" x 15" dan juga disediakan dalam softcopy dalam format Illustrator (ai) atau Photoshop(psd) - (bagi yang menggunakan komputer). **Peserta digalakkan menghantar softcopy.**

Pereka hendaklah memberi keterangan atau penjelasan ke atas reka bentuk dan warna yang digunakan.

Reka cipta bolehlah dibuat sama ada menggunakan grafik komputer atau lukisan tangan (free hand) dan hendaklah menggunakan tidak lebih dari tiga (3) warna sahaja. **Warna hitam dan putih juga digalakkan.**

Setiap reka cipta mesti disertakan dengan penerangan dalam Bahasa Malaysia.

Ciptaan mestilah asli dan tidak mengandungi unsur atau elemen yang boleh dianggap sensitive dan boleh menyinggung mana – mana pihak.

Pelekat kenderaan & Slogan bersaiz:

- 4" x 4"
- 4" x 12"

4. SYARAT- SYARAT PENYERTAAN

Pertandingan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia terutamanya ahli-ahli Alumni Kembara dan Rekreasi UIA, Malaysia, ARC, dan individu-individu yang berminat.

Penyertaan hendaklah di e-melkan pada atau sebelum : **5 Mac 2009** kepada **bieeyah@gmail.com** (Webmaster Laman Web Rasmi Latepackers / Urusetia Reka Cipta Pelekat Kenderaan dan T-Shirt)

Setiap penyertaan mestilah disertai dengan borang penyertaan yang mesti diisi lengkap dengan butiran peserta. Borang penyertaan juga boleh disalin cetak atau diperolehi melalui laman web rasmi Latepackers di **<http://www.latepackers.com>**

Peserta hendaklah memastikan keaslian logo yang dicipta terpelihara. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang tuntutan daripada pihak ketiga ke atas hakcipta logo tersebut.

Setiap penyertaan logo yang diterima tidak akan dipulangkan dan akan menjadi hak milik Alumni Kembara dan Rekreasi UIA, Malaysia (LATEPACKERS). Alumni Kembara dan Rekreasi UIA, Malaysia (LATEPACKERS) mempunyai hak untuk menggunakan logo yang diterima dan mendaftarkannya sebagai hak milik harta intelek.

Penganjur juga mempunyai hak untuk mengubah suai logo yang direka cipta oleh peserta.

Setiap peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan. Tiada had penyertaan ditetapkan.

Pemenang akan dihubungi melalui surat/telefon/e-mel dan penghebahan melalui laman web.

Segala kos untuk menyertai pertandingan ini atas tanggungan peserta sendiri

Keputusan panel hakim adalah muktamad.

Bukti pengiriman tidak boleh dianggap sebagai pengesahan penerimaan mana – mana penyertaan.

5. HADIAH

Alumni Kembara dan Rekreasi UIA, Malaysia akan menyediakan hadiah kepada pemenang seperti berikut:

Hadiah Pertama : **Voucher Penginapan bernilai RM300+ +
& Sijil Penyertaan**
Hadiah Saguhati : **Sijil Penyertaan**

Kesemua ciptaan yang diserahkan untuk pertandingan tidak akan dipulangkan kepada peserta dan ianya adalah hak milik Alumni Kembara dan Rekreasi UIA, Malaysia (LATEPACKERS).

Pelekat Kenderaan & Slogan serta T-Shirt yang menang akan dipamerkan dan dijual semasa Projek Pemuliharaan Alam Sekitar – Hari Bumi Latepackers (Nature Conservation Project – A Latepackers Earth Day) dan akan juga di pameran di dalam Laman Web Rasmi Latepackers sepanjang tahun 2009.

Pemenang akan di hubungi apabila keputusan di umumkan oleh penganjur.

**PERTANDINGAN REKA CIPTA BAGI PELEKAT KENDERAAN, SLOGAN
DAN T-SHIRT LATEPACKERS**

ALUMNI KEMBARA DAN REKREASI UIA, MALAYSIA (LATEPACKERS)

(Sila gunakan satu borang untuk setiap penyertaan)

Saya mengesahkan bahawa reka cipta yang dikemukakan adalah ciptaan saya yang asli.

Nama (seperti di dalam K/P) :

No. Kad Pengenalan:

Alamat Pejabat:

Alamat Rumah:

Telefon (P) :

Telefon (R):

Telefon(H/P) :

E-mel:

Tandatangan:

Tarikh: